

Perlembagaan Persekutuan satukan bangsa

**Dari
Kaca
Mata**



Prof Dr Mansor Mohd Noor

Felo Utama Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia

Perlembagaan Persekutuan memperakui dan menerima bentuk pembinaan negara bangsa Malaysia yang dipersetujui oleh negarawan kemerdekaan negara antaranya, Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Loke dan Tun V T Sambanthan. Perlembagaan itu dipegang sebagai panduan hidup bernegara dalam aman damai dan perpaduan.

Perlembagaan Persekutuan menggariskan pasak negara, iaitu kedudukan Raja Berperlembagaan, Islam sebagai agama Persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan Perkara 153 menjaga kedudukan orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak.

Mengambil kira rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa seperti Melayu, Cina, India, Iban dan Kadazan, Raja Berperlembagaan menjadi simbol perpaduan, bahasa ibunda boleh dipelajari, agama lain diamalkan dan Perkara 153 juga menjamin kepentingan minoriti lainnya.

Hakikatnya, tiada negara dalam dunia tidak memiliki kumpulan etnik yang menjadi pengasasnya. Nyata daripada pembentukan Perlembagaan Persekutuan, Malaysia sebuah negara berasaskan etnik, anak watananya Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak dan warganegaranya terdiri kepelbagaian etnik dan agama.

Sarjana Inggeris, J S Furnival menyatakan bahawa sebuah negara majmuk seperti Malaysia pasti tidak akan menjadi stabil oleh kerana setiap kumpulan etnik hidup terpisah, terasing dan terputus. Jelas, tesis Furnival ini

meleset apabila selepas merdeka, Dasar Ekonomi Baharu (DEB) telah mengubah pemecahan dan pekerjaan mengikut etnik.

Pembangunan berlaku dengan pelaksanaan DEB sehingga membawa perubahan sosial dan transformasi masyarakat melalui proses perubahan sektor kerja dari sektor pertanian kepada sektor komersial dan industri. Kalau dahulu wujud golongan miskin, sekarang muncul kelas menengah dan negara bersifat kekampungan kini menjadi kosmopolitan.

Masyarakat rencam

Perubahan sosial dan transformasi masyarakat telah membina budaya moden dalam kalangan rakyat Malaysia. Walaupun wujudnya kepelbagaian bangsa, rakyat masih berbangga dengan identiti etnik masing-masing berternakan ruang sivik yang semakin melebar dengan mengutamakan kestabilan, kemajuan, keadilan, keterangkuman, kebebasan, hak dan demokrasi.

Pendapat awam dimiliki mereka lebih berbentuk persamaan dari perbezaan. Mereka berhubung bukan dengan mengambil dimensi etnik dan agama yang memisahkan mereka tetapi bersifat mendatar dipengaruhi oleh nilai sivik sepunya. Ini menggambarkan masyarakat Malaysia hari ini bukan sebuah masyarakat majmuk tetapi sebuah masyarakat yang rencam sosialnya.

Kajian menunjukkan kesepaduan sosial dan etos bangsa terbina dengan baik di negara ini. Keharmonian ini telah menstabilkan negara hingga kemajuan negara terjamin. Namun, ada pemimpin dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkempen pada peringkat antarabangsa bahawa hubungan etnik di Malaysia adalah buruk, berlaku diskriminasi dan penghapusan etnik.

Tidak dinafikan berlaku ketegangan sosial disebabkan oleh desakan tuntutan etnik dan pergaduhan antara kaum. Namun begitu, kajian sebelum ini mengenai pergaduhan di Kampung Medan, Selangor dan di Sungai Petani, Kedah menunjukkan pertembungan etnik ini tidak berasaskan perbezaan etnik tetapi kegagalan governans kerajaan tempatan dan negara dalam mengurus kemiskinan warisan dalam etnik terbabit.